

UMS perlu hospital untuk latih penuntut

Durie Rainer Fong

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) amat memerlukan hospital mengajarnya sendiri untuk terus melahirkan pelajar perubatan yang jumlahnya semakin bertambah setiap tahun.

Dekan Sekolah Perubatan UMS, Prof Dr Osman Ali berkata, penyediaan kemudahan seumpama itu boleh banyak membantu dalam usaha mereka melatih graduan-graduan perubatan yang dapat memenuhi permintaan profesional tersebut.

"Kita memerlukan tempat yang sesuai untuk melatih penuntut-penuntut perubatan jika tidak pembelajaran dalam suasana yang tidak kondusif akan hanya menghasilkan doktor-doktor yang tidak terlatih dengan baik dan ini mungkin akan mencetuskan kebimbangan dalam kalan-gan mereka pada masa akan datang," katanya.

Beliau bercakap kepada wartawan selepas merasmikan Persidangan Kesihatan Mental Antarabangsa 2010 anjuran Persatuan Pelajar Perubatan Asia (Amsa) Sabah dan Amsa Malaysia, yang dihoskan UMS di sini, Khamis lepas.

Pada masa ini, para pelajar perubatan diantar samada ke Hospital Queen Elizabeth, Hospital Mesra Bukit Padang atau hospital besar lain di pelbagai daerah untuk mempelajari kursus mereka, tambahnya.

"Apa kita ada sekarang tidak sesuai untuk latihan (dan) kita memerlukan hospital mengajar di semua kawasan, bukan sahaja mengajar kesihatan jiwa tetapi juga aspek lain," kata Osman, sambil mendapati masalah pengangku-tan dan jarak perjalanan sebagai antara perkara yang mem-bimbangkan penuntut dan juga pensyarah.

Tetapi impian untuk mempunyai hospital mengajar mere-ka sendiri terpaksa ditangguhkan buat masa ini, katanya, ini kerana permintaan mereka untuk mewujudkannya di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10) telah ditolak kerajaan.

"Kita benar-benar mahu supaya ia dilaksanakan pada RMK10 tetapi diberitahu yang ia telah ditolak.

"Tetapi kami harap lebih ramai orang akan menyedari tentang pentingnya sebuah hospital untuk mengajar... jika

kita ada sebuah ia akan menjadi pusat yang lengkap dan komprehensif untuk pembelajaran dan pengajaran," katanya, sambil menambah, sekarang ini sekolah tersebut mempunyai 320 pelajar.

Ketua Jabatan Sains Bioperubatan dan Therapeutik Sekolah Perubatan UMS, Prof Dr Peruamal Ramasamy berkata, walaupun setakat ini sekolah itu mampu menampung apa yang diperlukan, hanya masa sahaja yang akan menentukan bila sumber mereka benar-benar akan diuji.

"Orang berkata kita melatih doktor-doktor yang baik tetapi untuk terus melakukannya kita benar-benar memerlukan sebuah hospital kerana jumlah pelajar akan bertambah... kita terdesak untuk mempunyai sesuatu bagi Kota Kinabalu.

"Masalah utama adalah (semasa) menjalankan peperik-saan kami... jika pesakit dan hospital sendiri pun kami tidak ada, peperiksaan akan menjadi masalah dan memberi banyak tekanan," katanya.

Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman ada menyatakan Kerajaan Negeri sedang bekerjasam dengan UMS untuk menjadikan bangunan Wisma Khidmat di sini sebagai sebuah hospital mengajar untuk UMS.

Bangunan itu sebelum ini dirancang untuk projek hospi-tal swasta tetapi cadangan itu dibatalkan berikutan sambutan tidak baik daripada Kementerian Kesihatan, katanya.

Sementara itu, Osman memuji dan mengucapkan tahniah kepada para pengajur persidangan yang julung kali diadakan itu sambil berkata, pihak universiti dan sekolah itu sentiasa menyokong badan-badan pelajar untuk acara seperti itu.

Pengerusi pengajur, Cheo Seng Wee berkata, mereka telah pergi ke Taiwan tahun lalu, menghadiri satu persida-nan dengan tema yang sama dan persidangan ini sebe-narnya diadakan untuk berkongsi dengan para delegasi termasuk dari Universiti Kebangsaan Malaysia, University College Sedaya International dan lima buah universiti Indonesia apa yang telah mereka pelajari.

Katanya, mereka juga akan terlibat dalam program kemasyarakatan melalui satu gerakan promosi kesihatan di sebuah kampung dan sebuah sekolah di Kudat hari ini.